

جurnal قنديديقر اسلام

Jurnal

PENDIDIKAN ISLAM

Jilid 10 Bil. 3 Jun 2003/Rabiul Akhir 1424H ISSN 0127-5-153 Harga RM10.00

Ketua Pengarang

DR. GHAZALI BASRI

Penolong Ketua Pengarang

DR. ROSNANI HASHIM

Sidang Pengarang

Dr. Ab. Halim Muhammady (UKM)

Hj. Ahmad Mohammad Said (KDH)

Dr. Jariah Masud (UPM)

Dr. Khadijah Zon (USM)

Dr. Ratnawati Ashraf (UIAM)

Dr. Tajul Nordin Ariffin (UKM)


Diterbitkan Oleh:

KOLEJ DAR-AL-HIKMAH (KDH)

Sg. Ramal Luar, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-89252392, 89268915 / 8919 / 8921 Fax: 03-89252477

E-mail: darulhikmah@hotmail.com Laman Web: www.hikmah.net.my



RENCANA PENGARANG

KONTROVERSI SEKOLAH AGAMA RAKYAT: USAHA Mencari PENYELESAIAN TERBAIK.

Ekoran daripada tindakan memberhentikan bantuan 'per kapita' oleh pihak berkuasa ke atas sekolah-sekolah agama rakyat yang lebih dikenali dengan SAR beberapa waktu yang lalu telah mengundang berbagai reaksi di kalangan umat Melayu-Islam di negara ini. Ada di kalangan mereka berasa kesal, marah malah ada yang berasa kecewa dan berhasrat berbuat sesuatu untuk mempertahankannya. Atas semangat itulah wujudnya Gerakan Menyelamat Sekolah Agama Rakyat dengan singkatan GEGAR di tengah-tengah kemuncak polemik isu SAR, beberapa bulan yang lalu.

Terakhir ini, nampaknya sekuat mana laungan yang disuarakan oleh kumpulan yang mempertahankan SAR ini, pihak berkuasa tetap dengan pendiriannya tidak lagi meneruskan bantuan per kapita seperti masa lalu. Beberapa isu yang timbul menjadi kontroversi. Bagi pihak berkuasa tindakan memberhentikan bantuan per kapita tidak semestinya menutup SAR. Tetapi bagi rakyat umum yang mempertahankan SAR implikasi daripada pemberhentian itu mengakibatkan penutupan SAR. Keadaan ini memang tidak dinafikan. Apa yang berlaku, sejurus pihak berkuasa mengisytiharkan penawaran kepada ibu bapa yang mempunyai anak di SAR untuk berpindah ke sekolah kerajaan, sejumlah besar menyahut seruan ini. Pada sesi persekolahan yang baru dibuka pada awal tahun ini menyaksikan pengurangan jumlah pelajar di SAR, dan ada di sesetengah tempat sekolah terpaksa ditutup kerana tidak cukup pelajar. Demikian juga apabila guru-guru di SAR ditawarkan untuk diserap ke sekolah kerajaan, kira-kira 70% daripadanya memohon untuk diserap ke sekolah kerajaan. Memang apa yang didakwa pihak yang mempertahankan SAR bahawa pihak berkuasa berniat untuk menutup SAR ada kebenarannya.

Walau apa pun hujah yang dikemukakan pihak yang mempertahankan SAR dalam keadaan yang sedia ada, nampaknya tidak diberi pertimbangan pihak berkuasa. Keputusan telah dibuat: bantuan per kapita tidak diberi lagi; sekolah-sekolah agama rakyat yang sedia ada boleh memilih sama ada menjadi 'sekolah bantuan kerajaan' sama tarafnya dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan

Tamil atau pun kekal menjadi Sekolah Swasta (Rakyat) yang berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Swasta.

Ketika menghujah, rasional keputusan ini dibuat pihak berkuasa memberikan sebab-sebab utamanya. Dengan tidak menyebut sentimen politik kepartian (yang tidak dinafikan pengaruhnya) pihak kementerian pendidikan menyenaraikan kelemahan-kelemahan yang terdapat di SAR: antaranya, pengurusan lemah, guru tidak terlatih dan bilangan guru tidak mencukupi, kurikulum dan sukatan pelajaran yang berbeza-beza, sistem penilaian yang tidak setara serta kelengkapan fizikal yang daif seperti tiada kemudahan riadah, makmal dan seumpamanya. Atas alasan inilah pihak berkuasa mahu mengambil alih keseluruhan sistem yang ada untuk dimasukkan ke dalam sistem pendidikan arus perdana.

Bagi kita sebagai kelompok pendidik dan kumpulan perihatin terhadap masa depan pendidikan Islam anak-anak kita sudah semestinya tidak membiarkan perkara ini berlalu tanpa teguran dan usaha-usaha membina. Kita akui tentang jasa-jasa serta ruh yang telah dibekalkan oleh SAR dalam pembinaan generasi ilmunan Muslim di tanah air selama ini. Dengan mengakui segala kekurangan yang ada padanya, kita menyaksikan tokoh-tokoh agamawan dan inteligensia agama yang ada hari ini adalah jasa yang telah ditabur oleh SAR. Itu sebabnya dengan kesedaran Islam yang meningkat di kalangan umat pada tahun-tahun antara 1986 dan 1995, permintaan ibubapa menyekolahkan anak mereka ke SAR meningkat sebanyak 147.5%. Dengan peningkatan ini pihak berkuasa menerusi kementerian pendidikan memperkenalkan model kurikulum bersepadu dengan memperkenalkan sistem Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, lebih dikenali dengan SMKA. Oleh kerana kejayaan sistem ini untuk memenuhi hasrat ibubapa, Kementerian Pendidikan telah mengadakan 55 buah SMKA menjelang tahun 1998 dengan 298 buah sekolah Menengah Kebangsaan yang biasa membuka kaunter model SMKA.

Berbalik kepada soal hasrat pihak berkuasa untuk membawa masuk pendidikan Islam ke dalam arus perdana pendidikan, kita merasa bertanggungjawab untuk memastikan komponen-komponen yang diperlukan untuk menghasilkan individu-individu professional muttaqi dalam semua bidang/profesi kehidupan: ulamak, pendakwah, teknokrat, usahawan, ahli politik dan apa

sahaja. Perkara yang hendak kita pastikan ialah penghasilan sebuah kurikulum pendidikan, berpaksikan kerangka Tawhid yang komprehensif, sepadu dan anjal menurut keperluan bidang masing-masing yang hendak ditekuni. Kita menyebutkan perkara ini ialah kerana, masalah serta dilema yang paling besar kita hadapi dan tempuhi sejak berkurun-kurun lamanya ialah masalah untuk menghapuskan sistem dualisme pendidikan yang umum masyarakat pendidik Muslim tahu ia adalah punca utama kepada kemunduran dan kebejatan umat Islam seluruhnya. Persidangan Makkah pada tahun 1977 telah memutuskan bahawa untuk umat Islam dapat lepas daripada rantai-putaran ganas (vicious circle) yang menyebabkan kemunduran, krisis moral, pemikiran terjajah, ialah dengan memansuhkan sistem dualisme pendidikan. Selagai wujud dua sistem yang berjalan: sistem agama berhadapan dengan sistem sekular selagi itulah umat terus berada dalam dilema.

Kita berkeyakinan bahawa dengan mengekalkan SAR dengan *status quo* yang ada ini bermakna kita meneruskan sistem dualisme ini, dan jika sekiranya kita memperkasanya secara terpisah, ini bermakna kita memperteguh lagi sistem dualisme pendidikan. Justeru itu kita melihat semacam ada 'rahmat' di sebalik kontroversi SAR ini dengan harapan usaha untuk menghasilkan sebuah kurikulum pendidikan kebangsaan yang komprehensif seperti tersebut di atas dapat diupayakan. Apa yang kita harapkan dalam usaha pengwujudannya, kita jangan lupa mengambil apa-apa yang terbukti berfaedah dan baik dari sistem SAR untuk digabungjalinkan dalam sistem yang bakal hendak diwujudkan. Di sinilah sebenarnya kekuatan pendekatan Islam pada masa-masa yang lalu sehingga kita menyaksikan zaman kegemilangan tamadun Islam di zaman pertengahan. Marilah kita mengambil panduan kaedah yang telah dipakai oleh para ilmuan kita di masa silam daripada ungkapan: *al-muhāfazatu 'alā 'l qadīmi al-sālihu wal akhzu bil 'l jadīdi al-aslahu* yang bermaksud: mempertahankan yang lama yang baik dan mengambil yang baru yang lebih baik.

Berhubung dengan usaha individu atau mana-mana organisasi yang mahu menubuhkan SAR secara bersendirian, kita mengharapkan agar pengwujudannya benar-benar menepati piawaian yang diterima oleh umat Islam hari ini. Justeru itu tidaklah timbul permasalahan yang pernah dilaluinya seperti kekurangan dana untuk beroperasi, sehingga bergantung kepada ihsan

'per kapita', kualiti guru, peralatan pengajaran dan pembelajaran yang sub-standard. Dalam erti kata yang lain, SAR yang hendak dibangunkan benar-benar mampu berdikari dan kalau pun tidak seharusnya akan melebihi daripada apa yang terdapat di sekolah kerajaan. Dalam konteks ini sebuah sub-set kurikulum akan digubal selaras dengan kurikulum pendidikan nasional dengan tujuan memastikan kewujudan SAR tidaklah sebagai sebuah lagi entiti sistem pendidikan yang berjalan selari dengan pendidikan nasional, tetapi sebaliknya ia adalah pelengkap kepada sistem induk. Inilah yang kita maksudkan dengan konsep sepadu, dalam sebuah sistem pendidikan.

KETUA PENGARANG

Senarai Penyumbang (*Contributors*)

Dr. Ghazali bin Basri

Penyarah Kanan
Kolej Dar al-Hikmah (KDH)
Kajang, Selangor

Shahabuddin bin Hashim

Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia (USM)
Pulau Pinang

Dr. Khalijah binti Mohd. Salleh

Profesor, Program Fizik
Pusat Pengajian Fizik Gunaan
Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Dato' Mohd. Mokhtar bin Shafii

Penyarah Kanan
Kolej Dar al-Hikmah (KDH)
Kajang, Selangor

Adnan bin Abdul Rashid

Pensyarah, Kulliyah Pendidikan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Shaharir bin Mohammad Zain

Profesor, Pusat Pengajian Sains Matematik
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

